



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2015/2016

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SC 0305
Nama Kursus : Siyasa Syar'iyah
Peringkat Kursus : Sijil Sistem Keadilan Syariah
Masa : 3 jam

Nota :

Jawab **semua** soalan dari **bahagian A** dan **dua** soalan dari **bahagian B**.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

BAHAGIAN A

Soalan 1: Pilih jawapan yang betul di antara jawapan-jawapan yang disediakan (10 markah)

- 1) Dalam konsep Siyasah Syar'iyah, panduan terbaik bagi mengawal pemerintahan ialah:
 - a. Qias dan Ijma'
 - b. Al-Quran dan Al-Sunnah
 - c. Ijtihad dan I'tiqad

- 2) Dalam menerapkan apa saja peraturan berdasarkan Siyasah Syar'iyah, pemerintahan Islam hendaklah melihat kepada:
 - a. Keramaian rakyat dan Kebajikan mereka
 - b. Kebijaksanaan dan Kemunduran rakyat
 - c. Kemaslahatan dan Kemudaratan terhadap rakyat

- 3) *Siyasah Wad'iyah* merupakan ciptaan _____.
 - a. Allah
 - b. Manusia
 - c. Alam

- 4) Pemerintahan yang bercirikan Siyasah Syar'iyah adalah diharuskan selagi mana ianya tidak bertentangan dengan
 - a. Hukum Syara'
 - b. Hukum Kanun
 - c. Hukum Adat

- 5) Maqasid Syari'ah yang menjadi objektif dalam pelaksanaan Siyasah Syar'iyah ialah
 - a. Penjagaan kehalalan dan keharaman sesuatu perbuatan
 - b. Penjagaan ugama, Nyawa, Akal, harta dan keturunan
 - c. Penjagaan akidah, maruah, kehidupan dan pemikiran.

6) Negara Islam yang pertama menggunakan *Siyasah Syar'iyah* sebagai dasar pentadbiran ialah:

- a. Madinah
- b. Mekah
- c. Baghdad

7) Dalam abad 13 hingga abad 19H, Kerajaan Bani Umayyah mengutarakan fahaman bahawa *nasab al-Imam* (perlantikan ketua negara) adalah merupakan satu:

- a. Keperluan
- b. Kewajiban
- c. Syarat

8) Di antara kaedah yang sering digunakan dalam pelaksanaan *Siyasah Syar'iyah* ialah kaedah yang berpandukan ijtihad serta _____.

- a. *Al-Qiyas*
- b. *Al-Maslahah al-Mursalah*
- c. *Al-Maslahah Al-Mu'tabarah*

9) Dasar pemerintahan di Negara Brunei Darussalam dalam zaman pemerintahan tradisi terdiri daripada Syarak, Adat Istiadat, Resam dan

- a. Agama
- b. Hukum
- c. Kanun

10) Menurut Imam Abu Hanifah seorang perempuan tidak boleh menjadi hakim dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan

- a. Jenayah
- b. Wasiat

c. Perkahwinan dan Perceraian

10 Markah

Soalan 2: Nyatakan betul atau salah

(20 Markah)

1. Sebelum kedatangan Islam kedudukan wanita sangat tinggi dan dihormati.
2. Di antara prinsip yang menjadi pegangan tentera Islam di dalam peperangan ialah tidak membunuh wanita dan kanak-kanak.
3. Sesebuah kerajaan Islam hanya dibenarkan memerintah dengan menggunakan prinsip-prinsip umum yang bersandarkan al-Quran dan al-Sunnah semata-mata.
4. *Sadd az-Zarai'* bermaksud mengeluarkan hukum syarak mengikut kaedah menutup saluran kerosakan, walaupun saluran itu pada asalnya harus.
5. Seorang pemimpin wajib menyasat urusan dan hal ehwal rakyatnya bersesuaian dengan kemaslahatan mereka walaupun terpaksa menggunakan kekerasan selagi mana ia tidak dihukumkan haram.
6. Perundangan Islam menyebabkan wujud ruang yang luas antara golongan pemerintah dan rakyat sehingga kedudukan mereka di dalam undang-undang tidak disamakan.
7. Politik dan budaya barat berjaya menyebarkan pengaruh sekularisme di kalangan umat Islam.
8. Kalender hijrah telah dicipta oleh Umar al-Khattab dan ianya dihitung bermula dari zaman pemerintahan Umar sendiri.
9. Pergolakan politik dalam zaman pemerintahan Ali bin Abi Thalib menyebabkan umat Islam berpecah menjadi beberapa golongan.
10. Fatwa yang dikeluarkan oleh individu tidak dinamakan *siyasah syar'ieyyah* tetapi ianya dinamakan *ijtihad*.
11. Syiah dan Khawarij mempunyai pengaruh kuat pada zaman Bani Umayyah.
12. Pembenterasan kaum murtad dan memerangi kaum yang ingkar zakat dilakukan pada zaman pemerintahan Umar al-Khattab.
13. *Al-Maslahah al-Mulghah* ialah masalah yang tidak dikira atau tidak diiktibar.

14. Komuniti penduduk yang tinggal di pulau terpencil tidak perlu untuk melantik pemerintah.
15. Setiap peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan dikehendaki agar tidak bercanggah dengan mana-mana dalil Tafsili.
16. Rasulullah menandatangani perjanjian Hudaibiyah dengan kaum Yahudi untuk memperkuatkan dakwah di Semenanjung Tanah Arab.
17. Islam membenarkan perlantikan wasit bagi menyelesaikan persengketaan di antara negara.
18. Para Ulama bersepakat mengharamkan wanita melibatkan diri dalam bidang politik.
19. Berdasarkan dari Siyasa Syar'iyah sesebuah kerajaan Islam dibenarkan untuk menjatuhkan hukuman bunuh ke atas semua tawanan lelaki.
20. Antara strategi yang dilakukan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk menyebarkan Islam ialah menjalin hubungan antarabangsa dengan kerajaan negara-negara di sekitar Semenanjung Tanah Arab.

20 Markah

BAHAGIAN B

Jawab dua soalan sahaja di dalam bahagian ini.

Soalan Pertama (15 Markah)

- (a) Sila berikan lima (5) syarat utama cara penggunaan *Siyasa Syar'iyah* dalam sistem pemerintahan Islam.
(5 Markah)
- (b) Berikan satu (1) contoh strategi yang digunakan oleh Uthman bin 'Affan bagi menjaga kebajikan rakyatnya.
(5 Markah)
- (c) Huraikan punca utama timbulnya tiga kuasa politik semasa pemerintahan 'Ali bin Abi Thalib.
(5 Markah)

Soalan Kedua (15 markah)

- (a) Sila jelaskan maksud *ijtihad* dari segi istilah dan hukumnya. (5 Markah)
- (b) Huraikan maksud kaedah *Maslahah Mursalah* dalam *Siyasah Syar'iyah*. (5 Markah)
- (c) Berikan satu (1) contoh kaedah *Sadd az-Zarai'* yang digunakan dalam polisi pemerintahan Islam. (5 Markah)

Soalan Ketiga (15 markah)

- (a) Sila jelaskan tiga (3) pendapat ulama mengenai kepemimpinan wanita dalam Islam. (5 Markah)
- (b) Nyatakan perbezaan di antara *Siyasah Syar'iyah* dan *Siyasah al-Wad'iyah*. (5 Markah)
- (c) Huraikan secara ringkas wawasan Negara Brunei Darussalam selepas mendapat kemerdekaan penuh pada tahun 1984. (5 Markah)

بالتوفيق والنجاح